

05 NOV 2003

SAMY-REL/I

FIRMA INDIA GAGAL DAPAT PROJEK LANDASAN BERKEMBAR KERANA LETAK HARGA TINGGI

KUALA LUMPUR, 5 Nov (Bernama) -- Alasan di sebalik keputusan kerajaan untuk tidak meneruskan projek landasan berkembar Utara-Selatan dengan Indian Railway Construction Company (Ircon) adalah kerana firma dari India itu meletakkan harga yang tinggi, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S. Samy Vellu, hari ini.

Beliau berkata kerajaan juga menolak tawaran yang dibuat oleh China Railway Engineering Corp (CREC) di atas alasan yang sama.

"Kabinet membincangkan perkara itu dengan panjang lebar hari ini. Kami menolak kedua-dua syarikat luar itu kerana mereka mahu meletakkan harga yang tinggi. Justeru kami memberikan projek itu kepada MMC-Gamuda.

"Kami tidak mengadakan sebarang rundingan di peringkat kerajaan berhubung perkara ini...ia kini di luar kawalan saya," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca kabinet di Kementerian Kerja Raya, di sini.

Ircon, yang diberikan surat hasrat (LOI) bagi bahagian utara projek itu gagal memperolehi kontrak apabila keseluruhan projek diberikan kepada usaha sama Malaysian Mining Corp Bhd-Gamuda Bhd bulan lalu.

CREC, yang juga diberikan surat hasrat bagi bahagian selatan turut gagal mendapat projek tersebut.

Pada Isnin lalu, pengerusi Indian Railway Board dan Ircon, R.K. Singh, mempertikaikan, menerusi akhbar India, langkah Malaysia untuk memberikan projek landasan berkembar itu tanpa membatalkan surat hasrat yang dikeluarkan kepada Ircon.

Penolakan tawaran Ircon itu telah mencetuskan kemarahan kerajaan India yang dijangka bertindak balas menerusi kontrak yang diberikan kepada syarikat Malaysia di India.

Syarikat Malaysia mempunyai kontrak bernilai kira-kira RM10 bilion di India dan dua minggu lalu kabinet India telah memberikan kelulusan bagi lapan penerbangan tambahan.

"Kita juga meminta pesawat yang lebih besar digunakan dalam sektor Kuala Lumpur-Chennai dan sebaliknya," kata Samy Vellu.

Juga yang berdepan dengan risiko adalah eksport minyak Malaysia ke India.

India dan Malaysia telah memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi projek landasan berkembar elektrik sepanjang 340km dari Ipoh-Padang Besar pada Mei 2001 dengan disaksikan oleh Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee yang melawat Malaysia ketika itu dan rakan sejawatnya Tun Dr Mahathir Mohamad.

MoU yang sama turut dimeterai dengan kerajaan China bagi laluan sepanjang 297km menghubungkan Seremban dan Johor Baharu juga pada 2001.

Alasan lain untuk tidak memberikan kontrak itu kepada kedua-dua syarikat tersebut adalah kerana mereka tidak mahu bekerja di bawah MMC-Gamuda, katanya.

Bercakap mengenai perkara lain, Samy Vellu berkata kerajaan akanewartakan Peraturan-Peraturan Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2003 pada 10 Nov.

Dengan pindaan ini amalan kejuruteraan perunding sama ada persendirian, perkongsian atau badan bersekutu (Sdn Bhd) mesti berdaftar di bawah seksyen 7 pindaan peraturan tersebut.

Profesyen jurutera, arkitek dan juruukur bahan pula dibolehkan bergabung dalam satu syarikat tetapi mesti mendaftar sebagai syarikat

multi-displin, di bawah pindaan tersebut.

Pindaan itu juga membolehkan "Accrediated Checkers" untuk memeriksa bangunan dan memberi kuasa kepada Lembaga Jurutera melantik jawatankuasa penyiasat untuk menjalankan penyiasatan ke atas aduan-aduan yang diterima terhadap mana-mana jurutera.-- BERNAMA

SR MAD TJK SHY ZK